

Majlis Perarakan Berjubah UMSKAL 2013

► Erat hubungan UMS dan Perbadanan Labuan

UB 17.11.2013 B4

NAIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengetuai Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) ke-3 sempena Konvokesyen UMS kali ke-15 2013, kelmarin.

Beliau bersama Timbalan-timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sharil Yusof (Penyelidikan dan Inovasi) dan Prof Madya Datuk Dr Md Kassim Mansur berjalan sejauh kira-kira 1 kilometer dari Menara Perbadanan Labuan ke Padang Dataran Labuan.

Perarakan yang bermula pukul 8.30 pagi itu juga disertai Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd

Said, 32 Ahli Senat dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Seramai 80 Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) yang diketuai Dekannya, Prof Madya Dr Syed Nasirin dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) diketuai Dekan, Dr Ag Asri Ag Ibrahim serta 70 graduan kedua-dua sekolah melalui beberapa jalan utama di pusat bandar Labuan.

Anggota Pasukan Simpanan TUDM (Palapes) dan Siswa Pertahanan Awam (SISPA) UMSKAL yang terdiri daripada pelajar UMSKAL berjalan segak dengan pakaian beruniform mereka.

Ketibaan rombongan UMS di Dataran Labuan disambut Ahli Dewan Negara, Senator Datuk

Yunus Kurus yang juga Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman.

Majlis itu diserikan dengan persembahan Wind Orkestra dari Sekolah Menengah Sains Labuan dan koir pelajar UMS Labuan yang menyanyikan lagu-lagu patriotik.

Dalam ucapannya, Mohd Harun berkata perjalanan sejauh kira-kira 1 kilometer dan mengambil masa 40 minit dari Menara Perbadanan Labuan menuju ke Padang Dataran Labuan merupakan satu simbolik perjalanan jauh



YUNUS, Mohd Harun dan Mohd Nadzri bergambar kenangan dengan pensyarah dan pelajar UMS Labuan selepas Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMSKAL 2013.



DR Mohd Harun (dua kanan) mengetuai Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMSKAL sambil Ismail (depan) membawa skrol perarakan dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan.

seorang mahasiswa untuk memperolehi segulung ijazah setelah tiga hingga lima tahun menimba ilmu. Katanya, selama berada

di UMSKAL bukan sahaja untuk memenuhi harapan tinggi ibu bapa dan impian pelajar untuk menjadi insan terpelajar tetapi juga mahu

menjadi warga negara yang boleh menyumbang semula kemahiran dan kepakaran kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata sesungguhnya menjadi pelajar pada hari ini yang dipenuhi dengan pelbagai dugaan termasuk yang dicipta pelajar sendiri akan menjadikan mereka insan yang lebih cekal dan tabah untuk menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran.

“ Saya seringkali menasihatkan pelajar supaya tidak mensiasa siakan ruang dan peluang belajar di menara gading ini untuk menimba ilmu pengetahuan sebanyak mungkin termasuk ilmu yang diperolehi daripada pengalaman bergaul dengan masyarakat setempat khususnya di Wilayah Persekutuan

Labuan, ” katanya.

Mohd Harun berkata ketika berada di pulau yang kecil inilah sewajarnya digunakan oleh pelajar untuk mengenali dengan lebih dekat lagi adat resam dan budaya masyarakat berbilang kaum seperti kehidupan masyarakat di perkampungan air yang sukar didapati di tempat lain yang masih mengamalkan adat dan

serta pensyarah dari Jepun dan Bangladesh.

Kehadiran kira-kira 2,000 pelajar, pensyarah dan kakitangan sokongan UMSKAL dari dalam dan luar negara turut membantu menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan sama ada dari segi kuasa beli, pengangkutan, penginapan, kraftangan dan restoran / kedai makan serta sektor



MOHD Nadzri (tiga kanan) menyerahkan kunci kepada wakil pelajar sempena Majlis Perarakan Berjubah UMSKAL 2013 sambil diperhatikan dari kiri, Abdullah, Mohd Harun, Yunus dan Ismail.

budaya tradisional serta hidup aman damai yang mengutamakan perpaduan dan permuafakatan.

Sementara itu, Mohd Nadzri yakin kewujudan UMSKAL itu sendiri telah banyak membantu mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai hab pendidikan yang terkenal di rantau ini melalui kehadiran pelajar dari seluruh negara dan antarabangsa terutama dari China, Tanzania dan Turki

pelancongan.

“ Sesungguhnya sumbangan warga UMSKAL dan pihak UMS yang sering kali mengadakan program di pulau ini seperti mesyuarat pengurusan dan aktiviti pelajar sangat besar maknanya kepada Perbadanan Labuan, jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) selain peniaga tempatan, ” katanya.

MOHD Harun (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Nadzri diperhatikan Yunus (dua kanan), Abdullah (kiri) dan Ismail (kanan).



PELAJAR SPKAL dan SSIL bangga menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMSKAL 2013.